

FILEM MALAYSIA

WAJAH KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Dari 16 hingga 20 Ogos 1971, berlangsung Kongres Kebudayaan Kebangsaan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kongres ini diadakan bagi menetapkan asas kebudayaan kebangsaan setelah 14 tahun kemerdekaan dicapai. Kongres ini mula difikirkan penting setelah berlakunya tragedi 13 Mei 1969, yang melihat tiadanya asas kebangsaan yang dapat benar-benar menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Berpandukan amanat Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri ketika itu, ketika menyimpulkan rumusan yang dicapai dalam kongres itu, tiga perkara penting ditetapkan untuk menjadi asas kebudayaan kebangsaan, iaitu:

1. Kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini.
2. Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.
3. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Asas yang ditetapkan ini, menurut kata pengantar *Asas Kebudayaan Kebangsaan*, yang diterbitkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1973, "Masalahnya sekarang ialah masalah pengisian dan pemberian makna kepada amanat dan rumusan-rumusan itu. Inilah sekarang yang menjadi cabaran besar kepada seluruh rakyat Malaysia dari semua keturunan, yang menjadi ujian dan ukuran kepada kejujuran dan kesetiaan mereka kepada negara untuk membentuk suatu masyarakat yang

progresif, dinamik dan demokratik, yang mempunyai identiti Malaysia yang tersendiri." Cita-cita yang dimaktubkan pada waktu itu mewakili keinginan kerajaan, budayawan, dan cendekiawan untuk melihat sifat budaya yang dapat dipegang sebagai kebudayaan kebangsaan.

Hari ini Malaysia mencecah usia 59 tahun kemerdekaan. Kongres Kebudayaan Kebangsaan telah berlalu 45 tahun yang lampau. Sehingga hari ini, asas yang ditetapkan bukan sahaja tidak tercapai, malah semakin merosot semangat dan cita-cita untuk melaksanakannya. Mungkin rumusan yang dicapai 45 tahun yang lalu sudah tidak dianggap relevan dengan suasana hari ini dan hal ini menjadi perkara yang sangat mendukacitakan.

Walaupun apa-apa penerimaan dan penolakannya pada hari ini, tiga asas yang ditetapkan itu tetap termaktub sebagai syarat penting dalam pembentukan asas kebudayaan kebangsaan. Pada hari ini, sudah tentunya, terutama perkara ketiga, akan ditolak dan ditentang oleh pihak tertentu yang sangat sensitif terhadap kebitaraan Islam dan Melayu sebagai keperibadian kebangsaan. Tanpa perlu memanjangkan sentimen ini, asas kebudayaan kebangsaan, tidak dapat tidak, perlu wujud sebagai cita-cita dan citra negara merdeka.

Apabila timbulnya isu penggunaan bahasa kebangsaan

sebagai penetapan kriteria filem, iaitu filem yang menggunakan bahasa kebangsaan dicalonkan dalam kategori utama, Filem Terbaik, sementara filem yang menggunakan bahasa sukuan atau penggunaan bahasa kebangsaan tidak mencapai 70 peratus diletakkan dalam kategori bukan utama, Filem Terbaik Bukan dalam Bahasa Malaysia, persoalan tentang asas kebudayaan kebangsaan perlu dilihat semula. Percanggahan utama yang berlaku ialah kebanyakan seniman melihat merit atau persoalan filem per se.

Filem yang diterbitkan di Malaysia sebagai hasil tempatan pada hari ini muncul dalam pelbagai bentuk dan gaya. Sebahagiannya muncul sebagai filem yang benar-benar ingin menggunakan "bahasa filem". Soal melihat filem sebagai pengisian cita-cita kebangsaan dalam konteks pemikiran zaman meneguhkan asas kebangsaan sudah hilang. Maka terhasillah filem yang menggunakan pelbagai bahasa sukuan, malah ada yang bercampur aduk penggunaan bahasanya, sebagaimana realiti masyarakat majmuk Malaysia pada hari ini.

Inilah bahasa filem, iaitu pemaparan realiti, sebagaimana realiti masyarakat itu sendiri. Maka jelas realiti yang dibawa dalam filem tersebut realiti masyarakat Malaysia hari ini yang tidak lagi mempunyai identiti atau keperibadian yang jelas, terapung-apung tanpa akar, dan wujud sebagai makhluk hibrid hasil kacukan pelbagai cebisan rupa.

Yang lebih malang apabila filem yang dikatakan menggunakan bahasa Melayu, iaitu bahasa kebangsaan, tidak menggunakannya dalam erti kata yang sebenar. Filem Melayu ini bukan sahaja menggunakan bahasa pasar dan slanga, dan menjadi jaguh perosak bahasa, bahkan mengangkat gejala buruk sebagai citra hedonisme demi memenuhi keperluan komersial yang rendah. Filem Melayu yang rosak bahasanya dan rosak nilainya muncul sebagai filem yang tidak bermutu dan tentunya tidak mempunyai merit untuk diangkat dalam pertandingan yang bersifat kebangsaan.

Apabila filem tempatan yang tidak menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Melayu sepenuhnya muncul dengan merit yang tinggi oleh mutu pemikiran, estetika, dan nilai, penentuan bagi penetapan filem terbaik dalam konteks kebangsaan ini menjadi begitu rumit. Kerumitan yang pertama ialah filem Melayu yang mahu diletakkan mewakili wajah filem kebangsaan itu sendiri bermutu rendah dan tidak menampakan keberadaannya, baik dari segi bahasa, nilai mahupun estetika, untuk layak diletakkan sebagai citra filem kebangsaan.

Kerumitan kedua ialah filem tempatan yang menampilkan mutu yang baik akhirnya tampil dengan penggunaan bahasa sukuan dan menyanggah bahasa kebangsaan sebagai medium pengucapannya secara langsung atau tidak langsung. Hal ini merumitkan keadaan untuk meletakkannya sebagai filem kebangsaan, sekali gus filem Malaysia dalam erti kata Malaysia dengan ciri dan identiti kebangsaannya. Adakah filem yang dibikin oleh produksi tempatan yang menggunakan bahasa Latin, bahasa Mandarin, atau bahasa Urdu

di Amerika Syarikat akan diangkat sebagai filem Amerika Syarikat biarpun diterbitkan di Hollywood? Adakah filem yang menggunakan bahasa Arab atau bahasa Hindi, diterbitkan di Perancis, akan diangkat sebagai filem Perancis? Tentunya filem yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara itu tidak akan dianggap sebagai filem kebangsaan atau filem yang dapat dilekatkan dengan nama negara itu, walaupun bahasa itu dituturkan oleh warganegara sendiri yang dahulunya pendatang.

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 152 Fasal 1 dan Fasal 6 serta diperkukuh dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 Seksyen 2 dan Seksyen 6. Bahasa sukuan disebut sebagai bahasa lain selain bahasa Melayu, seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Fasal 1 (a) dan (b); peruntukan yang menyebut bahasa lain turut termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 Seksyen 2. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia, sementara bahasa lain yang digunakan secara vernakular, seperti Inggeris, Mandarin, Tamil, Iban dan Kadazan, disebut sebagai bahasa sukuan. Apabila bercakap tentang anugerah kebangsaan, sudah tentunya hal ini merujuk "maksud-maksud rasmi" yang dijelaskan dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 152 Fasal 6:

Dalam perkara ini, "maksud rasmi" ertinya apa-apa jua maksud Kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa

maksud sesuatu pihak berkuasa awam, Parlimen telah membuat peruntukan mengenai penggunaan bahasa kebangsaan bagi semua maksud rasmi amnya dan bidang perundangan dan kehakiman khususnya melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Akta 32).

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, dengan jelasnya, memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi, seperti yang termaktub dalam Seksyen 2, Seksyen 5, Seksyen 6, Seksyen 7 dan Seksyen 8. Maka apabila Festival Filem Malaysia (FFM) ke-28 dianjurkan oleh Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Persatuan Penerbit Filem Malaysia, festival ini peringkat kebangsaan yang melibatkan kerajaan. Di sini jelas bahawa festival kebangsaan ini membawa "maksud rasmi" dengan peruntukan bahawa "maksud rasmi" mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan. Pembahagian kategori filem yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai kategori utama Filem Terbaik dan filem yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan atau tidak menggunakan bahasa kebangsaan sepenuhnya dalam kategori Filem Terbaik Bukan Bahasa Malaysia sangat betul dan tepat.

FINAS ditubuhkan pada awal 1970-an setelah berlangsungnya Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Pada ketika itu, FINAS diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Setelah Kongres

Arts & Literature - Film Industry

pg = 8 - 11
: 12 - 15
: 16 - 19

ctr. no = 0000274995
ART 2016/A10

Kebudayaan Kebangsaan yang dipertanggungjawabkan juga kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kementerian itu menetapkan tujuan baharu, iaitu menegaskan keutamaannya "untuk membentuk dan memelihara satu kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini, satu masyarakat belia yang bersatu padu, berdisiplin dan bergerak maju dalam bidang ekonomi dan sosial, dan satu semangat kesukanan demi perpaduan kaum untuk negara".

Penubuhan FINAS bertepatan dengan tujuan "untuk membentuk dan memelihara satu kebudayaan kebangsaan". Pembentukan kebudayaan kebangsaan ialah ketetapan di bawah "maksud rasmi", yang tentunya bukan sahaja menggalakkan, tetapi menetapkan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai teras medium pengucapan. Maka apa-apa yang dilakukan FINAS dalam pembahagian kategori FFM ke-28 di bawah penetapan 'maksud rasmi' sangat bertepatan dengan tujuan penubuhan FINAS, iaitu "membentuk dan memelihara satu kebudayaan kebangsaan" bagi memajukan industri perfileman tanah air.

Menurut Hamzah Hussin dalam *Memoir Hamzah Hussin: Dari Keris Film ke Studio Merdeka*, filem Melayu yang pertama ialah *Nelayan* yang dibintangi oleh Khairuddin dan *Laila Majnun* yang dibintangi oleh Tijah, Syed Ali Alattas dan M. Suki, diterbitkan pada tahun 1938 oleh Motilal Chemical Company of Bombay di Singapura. Menurut Wikipedia pula, *Laila Majnun* diterbitkan pada tahun 1933.

Laila Majnun berjaya menarik banyak penonton. Terdapat dua faktor kejayaan filem ini. Yang pertama, filem ini filem berbahasa

Melayu yang menarik minat penonton Melayu dan penduduk tempatan yang memahami bahasa itu dan pada masa yang sama, berjaya mengatasi filem asing yang berbahasa Inggeris, Hindi, dan Cina pada waktu itu. Yang kedua, filem ini memaparkan cerita popular pada waktu itu, iaitu cerita Laila Majnun. Cerita Laila Majnun menjadi kemestian dalam pentasansan bangsawan, apatah lagi kisah Laila Majnun dalam filem ini juga dilakukan oleh pelakon bangsawan yang terkenal pada waktu itu.

Kejayaan *Laila Majnun* akhirnya menarik minat adik-beradik ternama Run Run dan Run Me Shaw untuk membawa peralatan perfileman dari Shanghai dan mula mengeluarkan filem Melayu pada tahun 1937 di studio kecil di Jalan Ampas, Singapura. Syarikat Shaw Brothers mengeluarkan enam buah filem Melayu sebelum serangan Jepun pada tahun 1941. Selepas Perang Dunia Kedua, Shaw Brothers muncul sebagai gergasi pengeluar filem Melayu.

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Shaw Brothers masih muncul sebagai gergasi filem Melayu, tetapi disaingi oleh pengeluar filem Melayu yang lain. Antara yang paling mencabar monopoli Shaw Brothers termasuklah Ho Ah Loke melalui Cathay Keris Film. Yang masih tetap menjadi asas pengenalan filem Melayu itu ialah bahasa dan pembawa karakternya. Apabila Tanah Melayu merdeka dan tidak lama kemudian Persekutuan Tanah Melayu menjadi Malaysia, filem Melayu menjadi identiti untuk filem Malaysia. Maka klasifikasi filem Malaysia masih menggunakan asas yang sama, iaitu filem yang menggunakan bahasa Melayu.

Fakta sejarah dan asas pengenalan ini menjadi faktor yang paling asas dalam mengklasifikasikan sesebuah filem itu sebagai filem Malaysia atau bukan filem Malaysia. Maka bahasa Melayu ialah jati diri filem Malaysia. Filem Malaysia ialah ruang pernyataan kepada lambang kebangsaan. Maka jelas jati dirilah yang menentukan asas klasifikasi filem Malaysia, iaitu filem yang menggunakan bahasa Melayu. Filem yang menggunakan bahasa vernakular harus diklasifikasikan sebagai filem vernakular dan bukan filem Malaysia.

Pada hari ini, filem Malaysia tidak lagi dilihat sebagai satu-satunya filem yang menggunakan bahasa Melayu. Filem yang menggunakan bahasa vernakular atau bahasa sukuan juga dilihat sebagai filem Malaysia. Filem yang diterbitkan di Malaysia dengan tenaga produksi daripada warganegara Malaysia yang menggunakan medium bahasa sukuan, sama ada Inggeris, Mandarin/Kantonis ataupun Tamil, diletakkan sebagai filem Malaysia. Dalam konteks masyarakat majmuk negara ini dan perkembangan sosiopolitik dan sosiobudaya di Malaysia hari ini, filem yang menggunakan bahasa sukuan ini telah diterima sebagai filem Malaysia.

Jika filem yang menggunakan bahasa sukuan ini tidak diterima sebagai filem Malaysia, apakah pula nama dan kategori yang harus diberikan kepada filem ini? Filem Inggeris Malaysia? Filem Cina Malaysia? Filem Tamil Malaysia? Hal ini akan menimbulkan isu lain dan lebih rumit tentunya apabila muncul sentimen yang bersifat politik atau sebagainya. Oleh itu, penerimaan filem yang tidak menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya atau

langsung tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai filem Malaysia telah menjadi perkara umum dan sukar ditolak berlandaskan suasana kepelbagaian hari ini. Walau bagaimanapun, apabila hal ini dikemukakan sebagai filem kebangsaan, tidak ada perkara lain yang menjadi sifatnya, melainkan wujudnya penggunaan bahasa Melayu, yakni bahasa kebangsaan sebagai medium pengucapannya. Hal ini menepati "maksud rasmi" dalam penegasan terhadap definisi filem kebangsaan, sekali gus secara prinsipnya bertujuan "untuk membentuk dan memelihara satu kebudayaan kebangsaan".

Yang berlaku di Malaysia hari ini, dengan melihat isu dalam FFM ke-28, ialah yang pertama, wujudnya kekeliruan dan kecelaruan identiti kebangsaan yang sangat parah dalam masyarakat Malaysia hari ini dan yang kedua, berlakunya kerosakan cara berfikir kerana terperangkap dalam belenggu komersialisme dan materialisme. Soal pertama memerlukan hujah konseptual yang melihat identiti kebangsaan yang sebenarnya dan keperluan iltizam politik yang kuat untuk melaksanakannya dengan penuh ketegasan.

Kekeliruan yang berlaku dalam masyarakat Malaysia kini, terutama oleh kesan yang memunculkan masyarakat hibrid hari ini, ialah kefahaman secara konseptual terhadap erti budaya dalam konteks identiti kebangsaan. Yang ketara ialah kecondongan terhadap kesamarataan yang mengesampingkan fakta sejarah dan hakikat keberadaan keperibadian atau identiti Melayu yang harus menjadi teras ciri kebangsaan. Kecondongan yang sering kali menyanggah dan

menentang ciri bangsa asal ini, jika dilihat secara konseptual, ialah kecenderungan kepada pengaruh pencerahan Perancis. Pada hakikat sebenarnya, jika melihat fakta dan suasana dalam konteks Malaysia, konsep kebudayaan kebangsaan lebih cenderung kepada konseptual kultur Jerman.

Pencerahan Perancis melihat pencerahan sebagai kesamarataan yang utopia, namun sikap kultur Jerman lebih realistik apabila menanggapi pencerahan sebagai *aufklarung*, iaitu melihat sesuatu yang lebih jelas secara rasional melalui fakta dan persejarahan yang mewujudkan hakikat keberadaan sesuatu budaya asal negara tersebut. Keperibadian kebangsaan, sebagaimana yang ditegaskan dalam asas kebudayaan kebangsaan dan pemaktuban "maksud rasmi" dalam Perlembagaan, haruslah menggunakan bahasa Melayu sebagai medium utama pengucapannya.

Konseptual kultur Jerman dilihat lebih tepat untuk melihat asas kebudayaan kebangsaan di Malaysia. Perbincangan dalam melihat hal ini secara konseptual daripada asas pencerahan Perancis dan kultur Jerman akan mengambil ruang yang terlalu panjang. Maka terulash kepada kesimpulannya bahawa perlu wujud suatu bentuk iltizam politik untuk memberikan penegasan, malah penguatkuasaan terhadap pembentukan dan pemeliharaan identiti kebangsaan. Ketegasan politik perlu untuk menangani cara berfikir dan tindakan yang terang atau tersembunyi untuk menolak identiti kebangsaan yang berasaskan bangsa asal, yakni ciri kemelayuannya.

Soal kedua ialah kerosakan cara berfikir kerana terperangkap

dalam belenggu komersialisme dan materialisme. Cara berfikir hari ini terlalu dibelenggu, malah dimabukkan oleh kegiaan untuk mengejar kutipan yang paling tinggi sehingga menggadai segala pertimbangan mutu dan maruah intelektual sesuatu karya seni itu. Hal ini bertepatan dengan apa-apa yang dikatakan oleh Georg Lukacs bahawa penguasaan dunia kapitalisme terhadap kehidupan manusia mewujudkan kebebasan tanpa batas untuk menukarkan dimensi kemanusiaan sebagai ciri autentik masyarakat dengan dimensi material yang mewujudkan pemberhalahan hidup manusia kepada wang.

Fenomena ini bukan sahaja membawa kemerosotan mutu seni dan keseniman, tetapi terbingkainya jati diri masyarakat dalam sistem sosial yang diacu kepada kepentingan komersialisme semata-mata. Akhirnya hal ini mewujudkan gejala fetisisme, iaitu pemberhalahan material yang memukau masyarakat kepada sesuatu yang bukan bersifat inti, sebaliknya citra kosmetik dan hiburan semata-mata. Persoalan ini menjerumuskan filem yang kononnya menggunakan bahasa Melayu dan cuba berlagak sebagai mewarnai ciri kebangsaan, tetapi sebenarnya wajah hodoh yang merosakkan bahasa kebangsaan dan mutu yang mencitrai ciri kebangsaan.

FFM ke-28 memperlihatkan betapa parahnya krisis identiti kebangsaan di Malaysia sekarang sehingga akhirnya kita tidak dapat mencari jawapan yang benar-benar kukuh untuk menjawab maksud filem kebangsaan yang sebenar dalam konteks dunia perfileman Malaysia pada hari ini. ■

KEMATANGAN MEMENANGKAN FESTIVAL FILEM MALAYSIA

Pencalonan Festival Filem Malaysia (FFM) ke-28 menggegarkan dunia wayang tanah air berikutan pengkategorian filem terbaik berbahasa Malaysia dan filem terbaik bukan dalam bahasa Malaysia, dengan tambahan dua kategori, iaitu pengarah filem bukan dalam bahasa Melayu terbaik dan lakon layar filem bukan Melayu terbaik. Bantahan dan kekecewaan menular, malah bertambah hangat apabila filem *Jagat* (2015) dan *Ola Bola* (2016), yang dilihat sebagai filem yang bagus, digolongkan dalam ketiga-tiga kategori tersebut. Para penggiat filem tanah air mendakwa bahawa pencalonan tersebut mempunyai unsur rasial, meski hal ini sebenarnya sudah pun terjadi ketika pencalonan *The Journey* (2014) arahan Chiu Keng Guan dalam kategori filem bukan dalam bahasa Melayu terbaik dalam FFM ke-27 pada tahun lepas.

Terdapat para penggiat filem, yang terdiri daripada individu dan pertubuhan, nekad memulangkan trofi kemenangan, menarik diri daripada pencalonan, malah mereka mengisytiharkan boikot terhadap FFM. Kita, dengan mudah dan pantas, dapat melihat kekecohan ini menerusi suapan

media sosial dan kebanyakan media cetak dan media elektronik. Situasi ini agak genting dan kontroversi ini seakan-akan mencabut maruah FFM sebagai festival filem yang layak untuk memenangi filem terbaik di Malaysia.

Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, Menteri Komunikasi dan Multimedia, kemudiannya mengumumkan bahawa kategori yang kontroversi itu dimansuhkan. Anugerah Filem Terbaik menjadi kategori terbuka dan kemudian kita diperkenalkan dengan Anugerah Filem Terbaik Nasional dengan spesifikasi filem yang sepenuhnya menggunakan bahasa kebangsaan.

Jika kita memahami struktur filem, kita akan sentiasa peka terhadap FFM. Kita, dengan memerlukan dialog yang kuat untuk diingat-ingat sebagai filem

yang hebat, hal yang lebih memberikan tenaga ialah bahasa bingkainya. Jika kita memahami struktur masyarakat di Malaysia pula, kita juga akan sentiasa peka bahawa masyarakat Malaysia masyarakat pluralisme, yakni terdiri daripada pelbagai agama, kaum dan suku, serta pelbagai bahasa dan dialek. Mahu atau tidak mahu, kita harus menerima kenyataan kerencaman ini di Malaysia.

Hal kerencaman ini ditonjolkan sendiri oleh Chiu Keng Guan dalam bingkai filemnya, yakni *Ola Bola*, filem yang memaparkan kisah legenda pasukan bola sepak Malaysia.


Para pelakon filem yang telah menerima 14

menuturkan bahasa ibunda Malaysia.

Filem ini sudah cukup untuk mempersembahkan Malaysia, malah *Ola Bola* merupakan filem yang mengimbu sejarah kemegahan bolak sepak kebangsaan. Inilah Malaysia dalam filem *Ola Bola*. Filem ini memiliki satu daripada identiti Malaysia itu sendiri dan seharusnya beginilah juga fungsi filem dalam masyarakatnya, yakni mengakui hakikat bahawa Malaysia ialah negara pluralisme. Hal ini menjadi kesatuan yang sepatutnya tidak boleh dipecahkan. Selagi seseorang filem itu memiliki identiti Malaysia, kesatuan itulah yang tidak boleh dipecahkan. Kesatuan itu merupakan satu daripada hal kebangsaan.


bahasa bingkai yang cerdas. *Jagat* menceritakan perihal satu daripada kaum dalam bangsa Malaysia dan turut memiliki dialog dalam bahasa ibunda. Kita boleh melihat wajah Malaysia dalam *Jagat* melalui kesan Dasar Ekonomi Baharu yang diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak Hussain pada tahun 1971. Filem ini juga menceritakan sejarah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam usaha merapatkan jurang ekonomi antara kaum di Malaysia. Tiada yang tidak Malaysia dalam filem ini.

Kita didatangi persoalan apabila kita cuba melihat persembahan dan kualiti kedua-dua contoh filem ini: politik apa yang sedang dimainkan dalam FFM? Adakah sebenarnya calon filem terbaik berbahasa Malaysia tidak layak untuk menang, tetapi harus mencari alasan juga untuk dimenangkan sehingga muncul kategori yang lewah? Sebegini terukkah industri filem



pencalonan bagi FFM ke-28 itu terdiri daripada pelbagai kaum. Mereka membawa watak para pemain bola sepak tanah air yang juga terdiri daripada pelbagai kaum itu tanpa dialog yang memperincikan kaum keturunan. Hal ini dijelaskan, secara terang-terangan, melalui bahasa bingkai. Setiap watak dalam filem ini juga bertutur dalam bahasa kaum masing-masing, tetapi tetap

Jagat arahan Shanjhey Kumar Perumal merupakan filem yang baik. Filem ini memiliki *mise-en-scene* yang bukan semata-mata dicampakkan ke dalam bingkai. Semiotiknya memberikan kualiti yang baik selayaknya filem yang bagus, seterusnya harus difahami bahawa filem ini memiliki bahasa filem atau





Jagat dapat dianggap sebagai filem Malaysia.

kita dimanipulasikan sehingga sanggup mempermainkan hal kualiti?

Kita masih belum nampak signifikan kategori yang menggunakan istilah "nasional" ini dengan barisan pencalonannya. Istilah ini, dalam *Kamus Dewan*, bermaksud "kebangsaan, hal-hal yang berkaitan dengan bangsa". Jika mengikut maksudnya yang sebenar, filem *Ola Bola* layak untuk dicalonkan dalam kategori ini berikutan bangsa pluralisme Malaysia yang ditonjolkan. Filem ini juga masih menggunakan bahasa kebangsaan dan menjadi filem yang memiliki kualiti kebangsaannya yang tersendiri.

Namun demikian, kategori Anugerah Filem Nasional hanya meletakkan bahasa sebagai hal kebangsaan, sedangkan hal kebangsaan meliputi hal kenegaraan yang lebih luas, seperti hal kaum, adat resam, agama, kepercayaan, pembangunan negara dan pencapaian negara. Oleh sebab itu, hal kebangsaan seharusnya tidak dipandang secara berjujuk.


Kita sangat mengerti bahawa kita mahu menjaga kedaulatan bahasa kebangsaan. Berikutan itu, ada banyak soalan yang harus kita ajukan kepada diri sendiri. Adakah kita benar-benar mencintai negara dan hal kebangsaan atau kita mencintai diri sendiri sebagai rakyat yang harus membikin filem kerana keperluan terhadap wang? Sejak bila kita benar-benar prihatin dengan hal ini dan sejauh mana filem kita mempamerkan keprihatinan ini?

Mudah sekali untuk kita patahkan "keprihatinan" kebangsaan untuk FEM ke-28 dengan melihat filem arahan Saw Teong Hin yang berjudul *Jejak Warriors* (2015), yang dicalonkan dalam kategori Anugerah Filem Terbaik. Jelas sekali bahawa *warriors* bukan perkataan dalam bahasa Melayu. Jika mahu bercakap tentang soal kedaulatan bahasa, hal ini harus dilihat secara menyeluruh dan bukan secara berjujuk atau boleh dipilih-pilih bahagiannya sesuka hati. Jadi sejauh manakah kita faham akan hal kebangsaan?

Kita tidak boleh menilai FEM sekadar festival filem yang wajib mengemukakan pencalonan dan memberikan anugerah semata-mata. Yang paling penting, FEM perlu memiliki kredibiliti seiring dengan pertambahan usia setelah "kelahirannya" 36 tahun yang lalu sejak tahun 1980. FEM bukan juga semata-mata meraikan ulang tahunnya. Angka 28 akan dilihat secara fizikal, tetapi pada usia relatif, yakni 36 tahun ini, seharusnya kematangan juga bertambah. Kemudian kematangan inilah yang akan membina kredibiliti. Prestij yang sebenar-benarnya akan hadir selepas itu.

Kematangan boleh terbinanya melalui satu daripada bahagian yang melihat bahawa hal perfileman bukan hal seni semata-mata, tetapi juga sebagai seni negara. Apabila bercakap tentang soal negara, kebanyakan orang lebih cenderung untuk berfikir tentang pembangunan, gaya hidup dan kecanggihan teknologi. Pemikiran sebegini pemikiran yang lapuk. Kita harus ingat kembali akan misi kewujudan FEM pada awal dahulu, yakni membawa agenda perfileman nasional dan memasyarakatkan filem sebagai ukuran pembangunan negara bangsa.

Perfileman nasional membawa makna yang besar. Perfileman nasional dapat ditafsirkan sebagai filem yang membawa elemen kebangsaan, kemudian membawa agenda seterusnya, iaitu memasyarakatkan filem. Oleh hal yang demikian, "memasyarakatkan filem" harus melihat masyarakat kepada filem itu sendiri. Malaysia dibentuk dengan masyarakat yang pelbagai kaum, bahasa dan agama.



Jadi kita harus peka dan faham bahawa inilah masyarakat filem kita.

Seharusnya juga segala tradisi dalam FEM dihidupkan kembali untuk ditimbangkan bagi melihat hal yang masih sesuai untuk diamalkan atau digugurkan, atau perlu ada pembaharuan yang memberikan nilai tambah kepada kualiti industri perfileman negara. Negara memerlukan filem yang mempunyai kualiti dari segi cerita, bahasa filem, teknik, teknologi dan para pemain, dan semua hal ini akan memberitahu dunia bahawa Malaysia memiliki industri filem yang bagus dan festival filemnya juga cerdik untuk memberikan pencalonan dan kemenangan.


Hal ini tidak mustahil jika pertambahan usia FEM ini seiring dengan pertambahan kematangannya.

Misi pewujudan FEM juga membuktikan bahawa secara penuh sadar, FEM turut menjadi kayu ukur untuk seni filem dalam menjadi lambang tahap kecerdikan masyarakat di sesebuah negara. Inilah hal kebangsaan yang tidak mahu dipedulikan oleh banyak orang kerana soal industri dilihat sebagai soal wang. Pembikinan filem bermaksud pembikinan wang. Hal ini tidak salah kerana kita

harus mendapatkan wang untuk hidup dan membikin filem yang seterusnya. Namun demikian, memburu wang tidak harus sampai tahap menjual maruah dan kebijaksanaan dalam kreativiti pembikinan filem.

Berikutan keadaan ini, filem yang dicalonkan dan diberi anugerah haruslah filem yang layak menjadi wajah Malaysia dan memberikan keterpesonaan di mata dunia. Kita, dengan penuh sadar juga, mengharapkan masyarakat, terutama orang industri perfileman, tidak lupa akan agenda pewujudan FEM untuk dunia perfileman Malaysia kerana hal yang paling mudah untuk mengingatkan kita juga ialah nama "Malaysia" selepas ungkapan "Festival Filem". Hal ini hal yang besar. Sekali lagi, adakah kita memang mencintai filem sebagai satu daripada hal kebangsaan?

Kita boleh bermimpi untuk filem kita berada dalam festival filem antarabangsa. Namun demikian, kita harus juga berpijak pada kenyataan lebih dahulu bahawa kita harus dapat berbangga dengan apa-apa yang kita ada di negara sendiri. Tidak perlu pergi terlalu jauh untuk mencari teladan. Sebagaimana orang filem di tanah seberang yang boleh berbangga untuk menyatakan "bangga filem Indonesia", seharusnya begitulah filem Malaysia untuk layak dibanggakan kepada dunia. Indonesia memulakannya di tanah sendiri, dengan kesatuan sendiri, bahkan berjaya menjadi wajah yang mempesonakan, yakni wajah kebangsaan



Indonesia walaupun di tanah orang. Kita

juga harus memulakannya di tanah sendiri dengan memahami persoalan kebangsaan itu tadi.

Oleh hal yang demikian, kita perlu menjadi sangat sadar diri bahawa kita boleh pergi jauh ke hadapan kerana kita memang memiliki potensi. Namun demikian, untuk itu, kita perlu membawa permerat bahawa air muka kita ialah filem kita; bukan lagi filem kita wajah kita.

Kita faham bahawa apabila mencalonkan dan menganugerahkan apa-apa sahaja, hal tersebut tetap akan membunikan rasa kurang senang. Inilah hakikatnya dalam apa-apa bidang sekalipun. Namun begitu, FEM bukan perkara baharu. Pada masa yang sama, FEM juga tidak boleh membuatkan masyarakat berfikir bahawa perkara ini sudah lama dan semakin goyah saban tahun. Hal ini membuatkan masyarakat berfikir bahawa kewujudan FEM tidak lagi relevan. Kredibiliti sahajalah yang akan menjadi perisai untuk mempertahankan sesuatu keputusan dan FEM perlu memiliki perisai itu dengan utuhnya. Oleh sebab itu, FEM perlu lebih teliti ketika mencalonkan dan memenangkan sesebuah filem dengan meletakkan kualiti filem itu tepat pada tempatnya.

Mahu atau tidak mahu, pada akhirnya kita kembali kepada persoalan kualiti apabila berbicara tentang soal pengkaryaan. Para pejuang dunia wayang harus memberikan tumpuan kepada fikiran, harapan, dan usaha agar lebih banyak kualiti terbaik dalam industri perfileman tanah air. Seterusnya mereka melihat kualiti filem kita dapat menjaga air muka kita. Filem yang mampu menjaga air muka kita juga merupakan hal kebangsaan. ⁹⁸



Dalam beberapa waktu belakangan ini, perhatian sebahagian daripada anggota masyarakat negara kita terarah kepada dunia perfileman tempatan. Mereka tertarik kepada ribut kecil yang membadai industri berkenaan menjelang berlangsungnya Festival Filem Malaysia ke-28. Ribut kecil itu tercetus daripada kemelut yang berlegar-legar di sekeliling pihak yang terlibat dengan FFM ke-28, khususnya aktivis perfileman. Hingga makalah ini ditulis, iaitu menjelang detik 12.00 tengah malam 31 Ogos 2016, masih tidak kelihatan kecenderungan yang jelas dan menyakinkan bahawa ribut itu akan reda dengan mudahnya. Secara sinikalnya, fenomena

berkenaan bolehlah dianggap sebagai sebahagian daripada dokumen lama yang diisi di dalam fail yang baharu.

Isu utamanya ialah kadar penggunaan bahasa kebangsaan oleh filem yang menyertai FFM ke-28 serta pewujudan tiga kategori baharu anugerah festival filem kali ini, yang kemudiannya dimansuhkan, seperti yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, Menteri Komunikasi dan Multimedia. Berdasarkan syarat asas festival tersebut yang malam kemuncaknya berlangsung pada 3 September di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, dapat diketahui bahawa takrif filem berbahasa Melayu dalam konteks penganjuran

FFMK-28 ialah filem yang menggunakan 70 peratus bahasa kebangsaan.

Pengumuman itu bukan sahaja menggemparkan sebahagian daripada anggota masyarakat negara ini, bahkan seolah-olah mencakar dan memugar urat belikat beberapa pihak, terutama yang terlibat secara langsung dengan perfileman. Kemelut ini bermula sejak detik pengumuman penyertaan dan pencalonan filem bagi merebut 27 kategori anugerah dalam FFM ke-28 di Platinum Sentral, Kuala Lumpur, pada 3 Ogos. Hingga saat makalah ini ditulis, banyak pihak menampilkan pandangan, sama ada melalui wadah lisan ataupun wadah tulisan dalam pelbagai medium.

Dalam konteks ini, pembikin filem terkenal masa ini yang juga pengarah dan pelakon, Afdlin Shauki, misalnya, melalui akaun Facebooknya pada lewat malam 4 Ogos yang lalu, dengan tegasnya mengumumkan bahawa beliau memboikot FFM ke-28 dengan alasan bahawa segregasi terhadap filem yang menyertai festival kali ini sangat tidak wajar. Reaksi pantasnya itu turut disertai ungkapan begini:

"Minta maaf, tahun ini saya boikot FFM (Festival Filem Malaysia). Bilalah anak Malaysia tak kira bangsa akan betul-betul dihargai karya-karya seni mereka sebagai karya Malaysia. All the best kepada yang berticalon. FFM committee good luck to you all too."

Media dalam talian, iaitu Malaysiakini, yang memetik sebahagian daripada suara hati Afdlin, membuat rumusan kecil bahawa masalah tersebut timbul disebabkan oleh tercetusnya polemik perkauman menerusi langkah FFM ke-28



Afdlin Shauki memboikot FFM ke-28.

memperkenalkan kategori yang ada frasa "Filem Bukan Dalam Bahasa Melayu" dan frasa "Filem Dalam Bahasa Melayu". Kenyataannya bukan sahaja mendapat reaksi yang pelbagai daripada para pembaca, malah tersebar dengan pantas dan meluasnya melalui media sosial.

Malaysiakini, dalam paparannya pada 5 Ogos, turut melaporkan bahawa Presiden Persatuan Lakon Layar Kuala Lumpur dan Selangor (Penulis), Alfie Palermo, mempersoalkan langkah FFM ke-28 melaksanakan pengasingan dalam kategori filem, terutama yang membabitkan bahasa Melayu dan bukan bahasa kebangsaan itu. Menurutnya, festival yang seumpama itu sepatutnya dianjurkan sebagai "festival Malaysia", bukannya "festival Melayu", dan katanya, pengasingan kategori berasaskan bahasa Melayu dan bukan Melayu kali ini benar-benar berada pada tahap yang membimbangkan.

Ketika mengajukan perkara yang berkaitan dengan konsep 1 Malaysia yang disarankan oleh kerajaan, Alfie berkata bahawa pencalonan filem dalam festival berkenaan tidak perlu memberikan gambaran kepada satu kaum sahaja, sebaliknya perlu diraikan secara menyeluruh. Beliau turut mengajukan beberapa soalan dan menzahirkan pengharapan, sebagaimana ungkapan yang berikut:

"Mengapa Finas (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia) dan Persatuan Penerbit Filem Malaysia (PFM) mewujudkan kategori rasis? Di mana (Apa) peranan Finas dan PFM dalam memupuk semangat perpaduan dalam perfileman negara? Sebagai penulis lakon layar profesional, kami, dalam Penulis, melihat pencalonan FFM semakin memalukan negara tahun demi tahun. Kami memohon Finas merombak semula mekanisme pencalonan serta melakukan penapisan pemilihan pencalonan yang sewajarnya sebelum acara kemuncak itu berlangsung."

Sebagaimana kenyataan Afdlin, pandangan Alfie turut menjadi isu perdebatan hangat oleh pembaca dalam talian. Sebahagian daripada hujah pembaca itu pula bercampur baur dengan kenyataan politik kepartian yang menyimpang daripada isu utama. Sebahagian daripada ulasan pembaca kelihatan melarat kepada persoalan yang berbau perkauman, tergelincir daripada rel kesantunan, dan sarat dengan kebencian yang bersifat peribadi. Daripada ulasan mereka, terkesan petunjuk bahawa bahasa kebangsaan kini bukan lagi perkara yang menjadi keutamaan dalam kehidupan sebahagian daripada rakyat.

Sungguhpun demikian, di tengah-tengah "pertempuran" yang hebat dan seru antara pihak yang menyokong penganjur FFM ke-28 dengan pihak yang membangkang "syarat wajib" penggunaan bahasa kebangsaan dalam mengungguli anugerah bagi kategori tertentu pada festival berkenaan, muncul

dua ulasan yang panjang dan bijaksana daripada ilmuwan tanah air, Dr. Sulaiman Masri. Huraiannya yang semula jadi, mesra, mendalam, bertatabahasa, dan menepati aspek semantik dilihat dapat memberikan bekas kepada pembaca, sekali gus menamatkan pertempuran dua pihak tadi.

Berkaitan dengan isu yang sama, *Mingguan Malaysia* pada 28 Ogos pula memaparkan buah fikiran Abd. Aziz Itar dalam ruangan Seni dan Budaya. Selain menganalogikan kemelut semasa yang berlaku dalam industri perfileman tanah air sebagai dengungan yang dicetus oleh beberapa ekor nyamuk, Abd. Aziz, melalui rencana yang berjudul "Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Filem dalam FFM ke-28?", mengangkat inti persoalan tulisannya dengan mengatakan bahawa:

"Ramai yang keliru dan menafikan peranan, keutamaan bahasa Melayu sebagai kriteria terpenting dalam festival filem anjuran agensi kerajaan itu yang pada dasarnya menjurus kepada usaha untuk mengiktiraf filem tempatan yang berprestij serta bersifat nasional."

Abd. Aziz melahirkan perasaan kesalnya kerana penganjur FFM ke-28 akhirnya tunduk kepada bantahan beberapa ekor nyamuk itu, padahal langkah awal dalam penetapan kategori anugerah dalam festival berkenaan diambil atas kesedaran untuk mendaftarkan bahasa kebangsaan menerusi medium filem. Penulis berkenaan seolah-olah bertanya kepada kita – adakah hal ini menandakan bahasa kebangsaan tewas?



Datuk Yusof Haslam memperjuangkan bahasa kebangsaan melalui filem.

Ketika menzahirkan harapannya agar persoalan yang sedemikian itu diperbetul, Abd. Aziz mengutip pandangan Presiden PFM, Datuk Yusof Haslam, yang didapati menyambut baik langkah awal Finas selaku penganjur FFM ke-28, iaitu memberikan tempat yang baik kepada bahasa kebangsaan. Dalam tulisan Abd. Aziz, dikatakan bahawa Yusof, walaupun menerima baik perubahan kategori anugerah sebagai ekor bantahan kumpulan nyamuk, masih cenderung dengan sokongannya agar bahasa kebangsaan diperjuangkan secara tidak langsung melalui industri perfileman. Sokongannya dapat dikesan melalui ujaran yang berbunyi:

"Langkah ini dibuat oleh pihak penganjur bagi menjaga hati semua pihak tetapi pada masa yang sama keutamaan dan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tetap dikekalkan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Dalam mengutamakan bahasa Melayu, sepatutnya tidak timbul isu apabila bahasa itu diterapkan menerusi medium perfileman. Sebaliknya bahasa ini perlu

terus diprakerjakan kerana bahasa ini merupakan bahasa yang telah diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan melalui Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 152 semenjak negara kita mencapai kemerdekaan pada 1957."

Ketika merincikan pandangan dan keyakinannya akan bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama medium perfileman, Yusof menyatakan bahawa banyak negara lain di Asia, seperti India, Hong Kong, Jepun, Korea, dan Thailand, yang maju dalam industri tersebut, sangat cenderung menerbitkan filem dalam bahasa rasmi negara masing-masing. Menurut tokoh itu lagi, banyak filem terbitan negara yang dinyatakan tadi dieksport dan popular dalam kalangan rakyat seluruh dunia.

Ini pandangan ikonik perfileman itu turut dikongsi dihalusi oleh Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Kebangsaan Pelbagai Kaum Dewan Bahasa dan Pustaka, A. Wahab Hamzah. Beliau, yang bercakap dalam nada kecewa kerana bahasa Melayu bukan sahaja semakin dipinggirkan dari sehari ke sehari dan kian ketara sejak belakangan ini, menyatakan bahawa satu daripada

bidang yang kian mengambil mudah akan perkara itu ialah perfileman. Kekecewaan A. Wahab tidak sukar untuk kita fahami kerana jati diri rakyat Malaysia dapat dilihat oleh mata dunia, antaranya melalui * budaya bahasa yang terungkap melalui sesebuah filem.

Dalam konteks perbincangan ini, didapati bahawa dakwaan A. Wahab itu sahih, tulus, dan ada buktinya. Kata-kata beliau berasas, bukannya tuduhan melulu kerana berdasarkan carian dan penemuan di beberapa laman sesawang, jelas didapati bahawa terdapat parti politik di negara ini yang cuba menafikan kepentingan pemeraksanaan bahasa Melayu melalui filem. Sikap itu sangat tidak bertanggungjawab yang sekali gus menunjukkan kepada kita bahawa berlakunya ketidakpercayaan sesetengah parti politik dalam soal kepentingan pemaparan wajah dan budaya tinggi Malaysia melalui bahasa kebangsaan dalam sesebuah filem yang diusahakan oleh karyawan negara ini. Tanpa perlu menyebut nama parti berkenaan, carian tersebut mendapati bahawa Finas diasad dengan tuduh rasiah hanya kerana mahu mendaftarkan bahasa Melayu melalui filem.

Tuduhan itu dilemparkan kepada Finas dalam keadaan bahawa hanya 70 peratus bahasa Melayu dijadikan sebagai kadar pengucapan sesebuah filem bagi melayakkan filem itu dicalonkan dalam beberapa kategori utama FFM ke-28. Inilah konteksnya dan tiada pula apa-apa syarat tambahan dikenakan oleh Finas, seperti bahasa Melayu tersebut mestilah bahasa Melayu tinggi – betul sebutannya, betul tatabahasanya, betul semantiknyanya – atau dengan perkataan lain, bahasa itu bersifat baku! Apa akan berlaku jika Finas mensyaratkan setiap filem perlu menggunakan bahasa Melayu

minimum 90 peratus atau mungkin kadar yang lebih tinggi – 95 peratus, umpamanya?

Sekiranya kadar tersebut dikuatkuasakan, ada kemungkinan Finas tidak dapat bangun sebagai akibat menerima hentaman dari segenap ruang – atas dan bawah; tepi dan tengah; kiri dan kanan; belakng dan hadapan. Mungkin tuduhan rasiah "digangajahkan" pada seluruh batang tubuh Finas dan tuduhan bahawa Finas tidak berpijak di bumi nyata akan menjadi lirik lagu dan melodi harian pihak yang berkenaan, termasuklah oleh sebahagian daripada orang Melayu sendiri, terutama yang sudah tercabut akar jati dirinya.

Demikian itulah kemungkinannya. Pihak yang berkenaan berkemungkinan besar melihat bahawa kadar 90 atau 95 peratus itu sangat membebaskan padahal jika kita kembali melihat industri perfileman negara ini pada beberapa dekad yang lampau, akan kita temukan fakta yang menarik. Kalau kita menonton filem yang diterbitkan oleh Cathay-Keris dan Shaw Brothers, sudah tentulah tidak sukar untuk kita membuat kesimpulan bahawa bahasa Melayu sesungguhnya sangat dimuliakan oleh penulis skrip, kru, pelakon, pengarah dan penerbitnya. Bahasa Melayu dalam filem pada zaman itu menduduki singgahsana dan bermartabat.

Di manakah kedudukan filem kita pada zaman itu? Jawapannya dapat ditemukan melalui banyak fakta. Satu daripadanya dengan cara melihat pencapaian filem arahan dan lakonan P. Ramlee dan rakannya. Kejayaan yang dicapai oleh filem negara kita pada zaman itu, yang "bahasa pengantarnya" bahasa Melayu, berada dalam senarai yang panjang dan jauh bumi dari

langit jika mahu dibandingkan dengan pencapaian filem kita pada zaman sekarang yang "bahasa pengantarnya" bukan bahasa Melayu, dan kalaupun berbahasa Melayu, bahasa Melayunya masih dikira sebagai bahasa Melayu rendah. Kita suka atau tidak, demikianlah faktanya.

Satu lagi soalan yang wajar dipahatkan di kalbu kita mungkin bunyinya begini – siapakah aktivis perfileman pada zaman Cathay-Keris dan Shaw Brothers? Adakah cuma orang Melayu sahaja pendukungnya? Soalan berkenaan dapat difahami jawapannya sekiranya kita menyorot beberapa nama besar, seperti L. Krishnan. Perkara ini ada dalam pengetahuan banyak orang. Hal yang sedemikian itu menunjukkan kepada kita bahawa bahasa Melayu tinggi mampu menjadi nyawa sesebuah filem di negara ini sekalipun diusahakan oleh orang bukan Melayu.

Apabila perkara ini diperkatakan, mungkin minda kita dikunjungi pertanyaan – apakah punca berlakunya perbezaan dari segi keperluan kewujudan bahasa Melayu dalam pembikinan filem kita pada zaman Cathay-Keris dan Shaw Brothers dengan pembikinan filem pada zaman yang serba canggih sekarang? Untuk mencari jawapannya, mungkin timbul kecenderungan untuk kita mengatakan bahawa sistem pengajaran bahasa Melayu di sekolah pada zaman dahulu jauh lebih baik dan tersusun daripada sistem pengajaran bahasa Melayu pada zaman sekarang. Secara peribadi, penulis ini sama sekali tidak bersetuju dengan kecenderungan itu. Bagi penulis ini, faktor jati diriilah punca utama kemelut dan polemik ini. Apa pula pendirian anda? ☐